

15/01/2001

Perbincangan Melayu sambung usaha Tun Razak

KUALA LUMPUR, Ahad - Perbincangan mengenai perpaduan Melayu yang digerakkan Umno, disifatkan sebagai kesinambungan usaha yang pernah dipelopori Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata mungkin terlalu awal untuk mencapai hasil yang diusahakan Umno itu, tetapi itulah peluang terbaik bagi menyatupadukan orang Melayu yang berpecah.

Beliau yang dihubungi di sini hari ini berkata, selepas orang Melayu berpecah, kini peluang terbuka melalui usaha terbaru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak pembangkang mengadakan perbincangan bagi menyatukan orang Melayu, seperti pada zaman Tun Razak apabila 90 peratus orang Melayu menyertai Umno.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas jasa yang ditinggalkan Tun Razak, terutama dalam pembangunan dan perpaduan Melayu, sebagai mengingati genap 25 tahun pemergian Perdana Menteri kedua itu.

Terdahulu ketika menghadiri rumah terbuka di Ayer Keroh d'Village, Melaka, Muhammad mengingatkan orang Melayu supaya tidak berjuang dalam kelompok kecil, sebaliknya bersatu mempertahankan hak serta keamanan negara.

Katanya, sejarah membuktikan perjuangan beberapa pahlawan Melayu menentang penjajah, seperti Tok Janggut di Kelantan, Mat Kilau di Pahang dan Dol Said di Hulu Melaka, tidak berjaya kerana mereka berjuang dalam kelompok yang kecil.

Katanya, contoh yang amat jelas sekali ialah apabila orang Melayu bangun bersatu menentang penubuhan Malayan Union yang dicadangkan oleh British sebelum 1957.

Beliau berkata, perpaduan jitu yang ditunjukkan pada masa itu menyebabkan rancangan British menghapuskan kuasa raja Melayu melalui penubuhan Malayan Union, berjaya digagalkan.

"Oleh itu, jika ada pihak yang mendakwa perpaduan orang Melayu pada masa sekarang tidak lagi penting, ia tidak boleh diterima," katanya.

Di BUTTERWORTH, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menyifatkan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai pemimpin yang berupaya menarik kemasukan golongan muda supaya bekerja untuk kepentingan negara.

Malah, katanya, penubuhan Barisan Nasional (BN) juga hasil usaha Tun Abdul Razak menyatupadukan semua pemimpin pertubuhan dan parti politik yang pada dasarnya berlainan berpendirian.

"Ketika negara menghadapi masalah rakyat berpecah belah selepas kejadian 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak melalui kemampuan dan kebolehannya berjaya mendapatkan keyakinan pemimpin parti lain untuk bekerjasama.

"Allahyarham juga berpendapat, untuk bersatu padu, semua pemimpin perlu kurang berpolitik dan memberi tumpuan untuk membangunkan negara dan menaikkan taraf hidup rakyat," katanya.

Beliau yang turut menerima nasihat bekas Perdana Menteri itu tidak pernah melupakan tarikh 1 Januari 1972 apabila dilantik menjadi Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri pada usia 32 tahun, ketika Tun Abdul Razak memimpin kerajaan.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata Allahyarham Tun Abdul Razak terkenal sebagai seorang yang berpandangan jauh serta mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Beliau berkata, melalui pimpinan Tun Abdul Razak, soal pembangunan

negara dirancang secara rapi termasuk meliputi pembangunan masyarakat desa.

Selain itu, katanya, idea bernas Allahyarham terutama dalam membangunkan tanah rancangan banyak diterima pakai oleh negara lain seperti Afrika.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Shariff, pula berkata rakyat khususnya golongan muda harus bersyukur dengan apa yang dinikmati sekarang hasil jasa yang ditinggalkan Allahyarham.

Beliau berkata, kesan paling besar yang ditinggalkan Allahyarham ialah apabila mengumumkan Laporan Razak pada Mac 1956, sekali gus bermula Dasar Pelajaran Kebangsaan, ribuan sekolah, institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Teknologi Mara (sekarang Universiti Teknologi Mara (UiTM)).

"Melalui langkah itu ramai anak muda terutama di kalangan orang Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran bukan saja di dalam negara malah di luar negara," katanya.

Naib Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPPKM), Abdul Wahid Azzahri, berkata pekebun kecil tidak pernah melupakan jasa Allahyarham.

"Kerana Allahyarham lah, maka wujud Felcra dan Felcra yang mempunyai matlamat membantu anak kampung yang tidak mempunyai tanah," katanya.

Pesara kerajaan, Sulaiman Mohamad, 64, berkata jasa yang ditinggalkan Allahyarham tidak terkira banyaknya terutama dalam soal politik dan membantu ekonomi orang Melayu khususnya masyarakat luar bandar.